Chew Eng Aik lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (TAIPING) — RAYUAN JENAYAH NO 42S-32–12 TAHUN 2013
AHMAD NASFY H
8 SEPTEMBER 2014

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu disabitkan atas kesalahan dengan sengaja menyebabkan kecederaan bersama-sama dengan empat orang lagi yang masih bebas — Dijatuhkan hukuman penjara tujuh tahun — Sama ada pembelaan perayu berkemungkinan atau penafian semata-mata — Sama ada hukuman penjara tujuh tahun berlebihan atau memadai — Rayuan terhadap keputusan mahkamah sesyen — Kanun Keseksaan s 326

Perayu ('OKT') telah tidak berpuas hati dengan keputusan hakim mahkamah sesyen ('HMS') yang mendapatinya bersalah dan disabitkan terhadap pertuduhan di bawah s 326 Kanun Keseksaan atas kesalahan dengan sengaja menyebabkan kecederaan ke atas mangsa ('SP2') bersama-sama dengan empat orang lagi yang masih bebas. Berdasarkan kes pendakwaan, SP2 sedang makan di sebuah kedai makan apabila sebuah kereta tiba-tiba datang dan empat orang lelaki Cina turun dengan membawa parang dan berjalan menuju ke arah SP2. SP2 tidak kenal keempat-empat dan melarikan diri. Apabila SP2 rebah, dia telah ditetak beberapa kali oleh lelaki-lelaki tersebut di bahagian tangan kiri dan kaki kiri. Akibatnya SP2 mengalami kecederaan putus urat tangan kiri dan kaki kiri dan tulang dibahagian lutut telah retak. Selepas ditetak, SP2 tidak pengsan dan boleh bangun tetapi tidak boleh berjalan. Ketika SP2 dikejar, kereta tersebut mengekorinya dari belakang. Selepas keempat-empat lelaki Cina tersebut menetaknya mereka menaiki semula kereta yang sama dan SP2 dapat mengecam pemandu kereta tersebut. Ini kerana selepas ditetak dan ketika mahu beredar, pemandu kereta itu menurunkan cermin bahagian pemandu sepenuhnya dan nampak muka pemandu tersebut yang merupakan kawan sekolahnya iaitu OKT. SP6 isteri SP2 telah menyaksikan kejadian SP2 dikejar dan ditetak oleh empat lelaki Cina. SP6 mengesahkan bahawa pada malam itu tidak gelap dan ada lampu jalan. Selepas suaminya ditetak, pemandu kereta yang dicamkan sebagai OKT telah mengarahkan keempat-empat lelaki Cina tadi menaiki semula keretanya. SP6 dapat camkan OKT yang menoleh ke arahnya kerana tingkap kereta bahagian pemandu diturunkan. Pembelaan perayu adalah bahawa pada hari tersebut, dia menghadiri upacara sembahyang kematian bapa taukehnya. Selepas itu, taukeh menyuruhnya membeli kueh di Bazar Melayu untuk tujuan sembahyang kematian tersebut. Ketika itu seorang bernama Loh Kah Soon bersama tiga orang kawannya ingin menumpang keretanya. OKT mengenali

Loh Kah Soon tetapi tidak rapat manakala tiga orang lagi beliau tidak kenal. Selepas OKT membeli kueh di bazaar melayu, Loh Koh Soon dan kawan-kawanya telah turun dari kereta dan mengejar seseorang. Ketika itu jalan sesak dan OKT tidak boleh bergerak. OKT tidak nampak semua lelaki itu membawa apa-apa senjata. Mereka hanya memakai jaket berlengan panjang. Selepas keempat-empat lelaki itu turun dari keretanya dan mengejar seseorang barulah beliau nampak mereka mengeluarkan senjata daripada jeket masing-masing. Semasa keempat-empat lelaki itu mengejar seseorang, OKT cuba melarikan diri dengan keretanya tetapi telah ditahan oleh Loh Kah Soon. Ketika itu OKT nampak Loh Kah Soon memukul orang yang dikejar sambil memegang parang. Kemudian Loh Kah Soon memintanya membawa mereka balik. OKT juga mengatakan tingkap kereta bahagian pemandu rosak dan memang terbuka. Di akhir kes pembelaan, HMS memutuskan bahawa keterangan OKT hanya suatu penafian dan tidak boleh dipercayai. Justeru OKT dan keempat-empat lelaki Cina tersebut mempunyai niat bersama untuk menetak SP2. OKT telah gagal menimbulkan sebarang keraguan. OKT dijatuhkan hukuman tujuh tahun penjara. Dalam rayuan ini, isu yang timbul adalah sama ada HMS telah memberikan pertimbangan kepada pembelaan OKT dan pernyataan beramaran di bawah s 112 Kanun Prosedur Jenayah yang konsisten dan menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) HMS telah membuat dapatan fakta yang tepat apabila meragui keterangan pembelaan OKT. Malah keterangan SP2 dan SP6 yang melihat OKT menurunkan empat orang lelaki Cina mengejar SP2 dengan parang dengan diekori oleh OKT sehingga keempat lelaki tersebut diarahkan menaiki semula keretanya sambil OKT menunjukkan wajahnya kepada SP2 langsung gagal digugat oleh pihak pembelaan (lihat perenggan 15).

(2) Kes pendakwaan kekal kukuh dan utuh sehingga akhir kes pembelaan. Justeru OKT harus bertanggungjawab atas perbuatan jenayah terakhir yang dilakukan oleh beberapa orang bagi mencapai niat bersama tanpa mengira OKT mengambil bahagian atau tidak dalam perlakuan tersebut. Pemakaian s 34 Kanun Keseksaan tidak seharusnya dibatasi dengan prasyarat OKT perlu berada ditempat kejadian (lihat perenggan 16).

(3) HMS yang mempunyai kelebihan audio visual dalam mendengar dan menilai keterangan saksi-saksi termasuk OKT tidak melakukan apa-apa salah arah fakta atau undang-undang dalam memutuskan sememangnya OKT mempunyai niat bersama untuk menyebabkan kecederaan parah kepada SP2. Justeru rayuan OKT ke atas sabitan ditolak (lihat perenggan 17).

(4) OKT langsung tidak menunjukkan sebarang kekesalan dan insaf atas kejadian ini, malah terus mempertikaikan keputusan Tuan HMS yang mendapatinya bersalah dan disabitkan. Hukuman penjara tujuh tahun dari tarikh hukuman dijatuhkan oleh HMS adalah setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan oleh OKT. HMS telah mengambil kira kepentingan awam harus diberi keutamaan berbanding kepentingan OKT sendiri. Keterangan impak oleh SP2 dengan sendirinya memberi gambaran betapa seriusnya kecederaan yang dialaminya dan akibat kecederaan tersebut OKT mengalami trauma sepanjang hayatnya. Justeru mahkamah memutuskan untuk mengekalkan hukuman tujuh tahun penjara tersebut (lihat perenggan 23 & 25–26).

[English summary

The accused was dissatisfied with the decision of the sessions court judge ('the SCJ') in finding him guilty and convicting him for the charge under s 326 of the Penal Code for the offence of intentionally causing injury to a victim ('SP2') together with four others who were still at large. Based on the prosecution's case, SP2 was eating at a restaurant when a car suddenly came and four Chinese men alighted from it, carrying *parang* and walking towards SP2. SP2 did not recognise the four men and tried to escape. When SP2 fell, he was hacked on his left leg a few times by the men, causing his knee to crack. After being hacked, SP2 did not pass out and could get up but could not walk. When SP2 was being chased, the car tailed him from behind. After the four men hacked him, they got on the same car and SP2 could identify the driver of the said car. This was so because after being hacked and when he wanted to leave, the driver of the car winded down the window fully and he saw the driver's face which was his school friend, the accused. SP2's wife, SP6, witnessed the incident where SP2 was chased by four Chinese men. SP6 confirmed that the night was dark and there were no street lights. After her husband was hacked, the driver of the car, identified as the accused ordered the four Chinese men to get on the car again. SP6 could identify the accused who had turned to his side as the car's window was winded down. The appellant's defence was that on the same day, he was attending a prayer ceremony of his boss's father. After that, his boss told him to get some cakes at the Malay bazaar for the purpose of the said prayer. At that time, one Loh Kah Soon and his three other friends needed a lift. The accused knew Loh Kah Soon even though they were not close but did not know the other three persons. After buying some cakes at the Malay bazaar, Loh Koh Soon and his friends alighted from the car and chased someone. At that time, the road was congested and the accused could not move. The accused did not see the men carrying any weapons. They were wearing long-sleeved jackets. It was only when the four men alighted from the car and chased him that he saw them taking out weapons from their jackets. When the four men were chasing someone, the accused tried to escape with his car but was stopped by Loh Kah Soon. At that material time, the accused witnessed Loh Kah Soon hitting the person he was chasing while holding a *parang*. Subsequently, Loh

Kah Soon requested for them to be taken home. The accused also stated that the driver's window was not functioning and was open. At the end of the defence case, the judge held that the accused's evidence was a denial and was not credible. Hence, the accused and the four Chinese men had common intention to hack SP2. The accused failed to raise any doubts. The accused was sentenced to seven years imprisonment. In this appeal, the issue raised was whether the SCJ had given due consideration to the accused's defence and whether the cautioned statement under s 112 of the Criminal Procedure Code was consistent and raised reasonable doubts against the prosecution's case.

Held, dismissing the appeal:

(1) The SCJ had made accurate finding of facts when he doubted the defence evidence of the accused. In fact, the evidence of SP2 and SP6 who witnessed accused aiding by getting off the four Chinese men who chased SP2 with a *parang* while being tailed by the accused until they were ordered to get in the car while the accused showed his face to SP2 could not at all be threatened by the defence (see para 15).

(2) The prosecution's case remained solid and concrete until the end of the defence's case. Hence, the accused must be liable for the final commission of crime by a group in attaining common intention without taking into account whether or not the accused took part or not in the said act. The application of s 34 of the Penal Code should not be limited with the prerequisite that the accused had to be at the crime scene (see para 16).

(3) The SCJ, who had the privilege of audio visual in hearing an assessing the evidence of the witnesses including the accused, did not commit any misdirection of facts or law in deciding that the SCJ indeed had common intention to cause grievous hurt to SP2. Therefore, the accused's appeal against conviction was dismissed (see para 17).

(4) The accused did not show any remorse or repentance of this incident and had in fact questioned the decision of the SCJ who had found him guilty and had proceeded to convict him. The seven years imprisonment running from the date of sentence by the SCJ commensurate with the offence committed by the accused. The SCJ had taken into consideration that public policy must be given priority compared to the accused's own interest. The impact of the evidence by SP2 by itself gave an illustration of the seriousness of the injury suffered and as a result of the injury, the accused suffered trauma his whole life. Hence, the court decided to maintain the sentence of seven years imprisonment (see paras 23 & 25–26).]]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* perenggan 288–371.

Kes-kes yang dirujuk

Krishnan Rao a/l Gurumurthi v PP and another appeal [2009] 3 MLJ 643; [2009] 2 CLJ 603, MP (dirujuk)
Lee Ah Seng & Anor v PP [2007] 6 MLJ 1; [2007] 5 CLJ 1, MP (dirujuk)
New Tuck Shen v PP [1982] 1 MLJ 27 (dirujuk)
R v Ball 35 Cr App R 164, MR (dirujuk)
Sabarudin bin Non & Ors v PP [2005] 4 MLJ 37; [2005] 1 CLJ 466, MR (dirujuk)
Shahrul Nizam bin Hamid v Pendakwa Raya Rayuan Jenayah K-05–115 tahun 2011), MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Prosedur Jenayah s 112
Kanun Keseksaan ss 34 326

P Ravee (P Ravee & Co) bagi pihak perayu.
Mohd Amril bin Johari (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Kecil Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak responden.

Ahmad Nasfy H:

RAYUAN

[1] Perayu/tertuduh ('OKT') telah tidak berpuas hati ke atas keputusan tuan hakim mahkamah sesyen ('Tuan HMS') yang mendapatinya bersalah dan disabitkan terhadap pertuduhan di bawah s 326 Kanun Keseksaan. Terkilan dengan keputusan tersebut OKT memfailkan rayuan terhadap sabitan dan hukuman.

PERTUDUHAN

[2] Pertuduhan adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama empat orang lagi yang masih bebas, pada 13.2.1012 jam lebih kurang 10.00 malam, di hadapan kedai makan Hock Chow Kopitiam, Jalan Chung Thye Ping, Taiping, di dalam Daerah Larut Matang, di dalam Negeri Perak, dengan sengaja telah menyebabkan kecederaan ke atas Ang Ching Huat KPT: 881105-08-6385, dengan menggunakan suatu alat untuk memotong, iaitu beberapa bilah parang panjang dan pedang samurai, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 34 Akta yang sama.

FAKTA KES PENDAKWAAN

[3] Pada 3 Februari 2012 lebih kurang pukul 10 malam mangsa (SP2) selepas mengambil gambar kahwin, beliau dan isterinya (SP6) pergi makan di

sebuah kedai makan di Jalan Chung Thye Ping dekat pasar Cina bersama seorang kawan yang dipanggil Ah Loon.

[4] Semasa sedang makan, tiba-tiba datang sebuah kereta Proton Wira Aeroback berwarna hitam berhenti dan turun empat orang lelaki Cina dengan membawa parang dan berjalan menuju ke arah SP2. Melihat keadaan tersebut, SP2 pun melarikan diri dalam jarak 5–6 buah kedai. Manakala keempat-empat lelaki Cina tersebut pula mengejamya. SP2 tidak mengenali keempat-empat lelaki Cina tersebut.

[5] Setelah berlari dalam jarak 5–6 buah kedai, SP2 rebah. Pada ketika itu beliau telah ditetak beberapa kali oleh lelaki-lelaki tersebut di bahagian tangan kiri dan kaki kiri. Akibatnya SP2 mengalami kecederaan putus urat tangan kiri dan kaki kiri dan tulang di bahagian lutut telah retak. Selepas ditetak, SP2 tidak pengsan dan boleh bangun tetapi tidak boleh berjalan.

[6] Ketika SP2 dikejar kereta Wira Aeroback warna hitam mengekorinya dari belakang. Selepas keempat-empat lelaki Cina tersebut menetaknya mereka menaiki semula kereta yang sama dan SP2 dapat mengecam pemandu kereta tersebut. Ini kerana selepas ditetak dan ketika mahu beredar, pemandu kereta itu menurunkan cermin bahagian pemandu sepenuhnya dan nampak muka pemandu tersebut yang merupakan kawan sekolahnya iaitu OKT. SP2 nampak nombor pendaftaran kereta tersebut iaitu WMW 1428. SP2 mengakui beliau ada bergaduh dengan seorang bernama Chin Teik sebelum ini. Menurutnya seminggu sebelum kejadian, OKT ada datang kerumahnya tetapi SP2 tidak tahu apa tujuannya. SP2 juga mengakui hubungannya dengan OKT adalah baik. Selepas kejadian tersebut SP2 tidak berjumpa lagi OKT walaupun dicari.

[7] SP6 isteri SP2 telah menyaksikan kejadian SP2 dikejar dan ditetak oleh empat lelaki Cina. SP6 mengesahkan bahawa pada malam itu tidak gelap dan ada lampu jalan. Selepas suaminya ditetak, pemandu kereta UMW 1428 yang dicamkan sebagai OKT telah mengarahkan keempat-empat lelaki Cina tadi menaiki semula keretanya. SP6 dapat camkan OKT yang menoleh ke arahnya kerana tingkap kereta bahagian pemandu diturunkan.

[8] SP1 mengesahkan ada membuat laporan polis (eksh P10). Beliau telah dimaklumkan kejadian ini oleh anaknya iaitu adik kepada SP2. Menurut SP1, beliau camkan nombor pendaftaran kereta UMW 1428 seminggu sebelum kejadian kerana OKT ada pergi ke hadapan rumahnya dan mahu 'pau' SP2.

[9] SP8 seorang pakar pembedahan Ortopedik di Hospital Columbia mengesahkan ada menerima SP2 sebagai pesakit pada 13 Februari 2012 jam lebih kurang 11 malam. Ketika itu SP2 di dalam kesakitan dan berlumuran darah pada anggota tangan dan kaki. Hasil pemeriksaan, SP2 didapati luka

yang dalam tetapi tidak melibatkan tulang. Manakala lutut kiri telah luka dan menembusi sendi. Laporan perubatan (eksh P31) telah dikeluarkan oleh SP8 berkaitan kecederaan SP2.

KEPUTUSAN TUAN HMS DIPERINGKAT KES PRIMA FACIE

[10] Tuan HMS telah membuat dapatan fakta seperti berikut:

(a) OKT telah dicamkan secara positif oleh SP2 dan SP6 pada malam kejadian sebagai pemandu kereta WMW 1428 yang membawa empat orang lelaki Cina yang bersenjatakan parang dan menetak SP2;

(b) penglibatan OKT dalam kejadian ini telah dibuktikan melalui keterangan SP2 dan SP6 yang melihat OKT menurunkan empat lelaki Cina yang bersenjatakan parang, mengekori mereka yang mengejar SP2 sehingga SP2 ditetak dan kemudiannya mengarahkan empat lelaki Cina tersebut menaiki semula keretanya;

(c) kecederaan SP2 telah disaksikan oleh SP1 ditempat kejadian dan disahkan oleh SP8 yang merawat SP2 sepertimana laporan perubatan (eksh P3);

(d) isu kegagalan memanggil seorang bernama Chin Tiek yang disebut oleh SP2 sebagai orang yang bergaduh dengannya sebelum kejadian dan seorang perempuan Cina yang menggoreng ayam yang nampak kereta Proton Wira WMW 1428 yang telah lama menunggu di tempat kejadian tidak menjejaskan kes pendakwaan kerana Chin Tiek bukanlah orang yang ada bersama-sama atau menetak SP2 pada malam kejadian. Juga tanpa memanggil perempuan Cina tidak menyebabkan kes pendakwaan terjejas;

(e) kegagalan memasukkan nama OKT dalam laporan polis (Eksh P1) bukanlah sesuatu yang serius atau mencacatkan kes pendakwaan kerana keterangan langsung berkaitan pengecaman ke atas OKT oleh SP2 dan SP6 sudah mencukupi (rujuk kes *Lee Ah Seng & Anor v Public Prosecutor* [2007] 6 MLJ 1; [2007] 5 CLJ 1, *Shahrul Nizam bin Hamid v Pendakwa Raya* Rayuan Jenayah K-05–115 tahun 2011); dan

(f) di akhir kes pendakwaan, mahkamah berpuas hati bahawa satu kes prima facie telah berjaya dibuktikan. Justeru, OKT dipanggil untuk membela diri.

KES PEMBELAAN

[11] Keterangan pembelaan OKT adalah seperti berikut:

(a) pada 13 Februari 2012 jam lebih kurang 10 malam OKT menghadiri upacara sembahyang kematian bapa taukehnya di Kg Boyan. Selepas itu taukeh menyuruhnya membeli kueh di Bazar Melayu untuk tujuan sembahyang kematian tersebut;

(b) ketika itu seorang bernama Loh Kah Soon bersama tiga orang kawannya ingin menumpang keretanya. OKT mengenali Loh Kah Soon tetapi tidak rapat manakala tiga orang lagi beliau tidak kenal. Mereka menumpang keretanya ke Taiping;

(c) selepas OKT membeli kueh di bazaar melayu, Loh Koh Soon dan kawan-kawanya telah turun dari kereta dan mengejar seseorang. Ketika itu jalan sesak dan OKT tidak boleh bergerak. OKT tidak nampak semua lelaki itu membawa apa-apa senjata. Mereka hanya memakai jaket berlengan panjang. Selepas keempat-empat lelaki itu turun dari keretanya dan mengejar seseorang barulah beliau nampak mereka mengeluarkan senjata daripada jaket masing-masing;

(d) semasa keempat-empat lelaki itu mengejar seseorang, OKT cuba melarikan diri dengan keretanya tetapi telah ditahan oleh Loh Kah Soon. Ketika itu OKT nampak Loh Kah Soon memukul orang yang dikejar sambil memegang parang. Kemudian Loh Kah Soon memintanya membawa mereka balik ke Kg Boyan;

(e) sampai di Kg Boyan kesemua lelaki Cina tersebut melarikan diri manakala OKT pergi ,meyerahkan kueh kepada taukehnya dan terus balik ke rumah; dan

(f) kawannya menelefon memberitahunya bahawa pihak polis mencarinya. Oleh kerana merasa takut OKT bersembunyi di Genting Highland selama tiga hari. OKT juga mengatakan tingkap kereta bahagian pemandu rosak dan memang terbuka. OKT mengemukakan percakapan beramarannya (Eksh D10) semasa memberi keterangan.

[12] Di akhir kes pembelaan, Tuan HMS membuat dapatan fakta berikut:

(a) OKT tidak menafikan berada ditempat kejadian pada lebih kurang 10 malam 13 Februari 2012 dan bersama keempat lelaki Cina yang menetak SP2; dan

(b) keterangan yang ditimbulkan dalam pembelaan tidak pernah dicadangkan di peringkat kes pendakwaan. Keterangan OKT hanya suatu penafian dan tidak boleh dipercayai. Justeru OKT dan keempat-empat lelaki Cina tersebut mempunyai niat bersama untuk menetak SP2. OKT telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah keatas kes pendakwaan. Oleh itu OKT didapati bersalah dan disabitkan.

A ASAS RAYUAN

[13] Asas rayuan bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) Tuan HMS tidak memberi pertimbangan kepada pembelaan OKT dan
B pernyataan beramaran di bawah s 112 Kanun Prosedur Jenayah yang konsisten dan menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan; dan

(b) OKT tidak mempunyai pengetahuan siapakah mangsa yang diserang dan tidak mengetahui Loh Kah Soon serta tiga yang lain mempunyai
C parang semasa turun dari keretanya maka niat bersama gagal dibuktikan.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

D

[14] Mahkamah telah meneliti keterangan saksi-saksi yang direkodkan, alasan penghakiman dan hujahan bertulis pihak-pihak. Mahkamah berpendapat bahawa keseluruhan rayuan ini adalah berkait dapatan fakta Tuan HMS. Isu yang dibangkitkan oleh peguambela perayu mengenai ketiadaan
E niat bersama OKT dalam kes ini dibawah s 34 Kanun Keseksaan telah dihuraikan secara terperinci oleh Tuan HMS .

[15] Dalam kes ini, OKT tidak menafikan telah membawa keempat lelaki Cina yang menetak SP2 di tempat kejadian. Keterangan OKT dalam
F pembelaannya bahawa beliau mengenali Loh Koh Soon sebagai alasan menumpangkannya bersama tiga lelaki Cina lain hinggga ketempat kejadian tidak pernah dibangkitkan semasa kes pendakwaan. Justeru Tuan HMS telah membuat dapatan fakta yang tepat apabila meragui keterangan pembelaan OKT. Malah keterangan SP2 dan SP6 yang melihat OKT menurunkan empat
G orang lelaki Cina mengejar SP2 dengan parang dengan diekori oleh OKT sehingga keempat lelaki tersebut diarahkan menaiki semula keretanya sambil OKT menunjukkan wajahnya kepada SP2 langsung gagal digugat oleh pihak pembelaan.

H

[16] Dengan itu kes pendakwaan kekal kukuh dan utuh sehingga di akhir kes pembelaan. Justeru OKT hanya bertanggungjawab atas perbuatan jenayah terakhir (*ultimate criminal act*) yang dilakukan oleh beberapa orang bagi mencapai niat bersama tanpa mengira OKT mengambil bahagian atau tidak
I dalam perlakuan tersebut (rujuk kes *Krishnan Rao a/l Gurumurthi v Public Prosecutor and another appeal* [2009] 3 MLJ 643; [2009] 2 CLJ 603). Bahkan pemakaian s 34 Kanun Keseksaan tidak seharusnya dibatasi dengan prasyarat OKT perlu berada ditempat kejadian (rujuk kes *Sabarudin bin Non & Ors v Public Prosecutor* [2005] 4 MLJ 37; [2005] 1 CLJ 466).

[17] Pada pendapat mahkamah bahawa Tuan HMS yang mempunyai kelebihan audio visual dalam mendengar dan menilai keterangan saksi-saksi termasuk OKT tidak melakukan sebarang salah arah fakta atau undang-undang dalam memutuskan sememangnya OKT mempunyai niat bersama untuk menyebabkan kecederaan parah kepada SP2. Justeru rayuan OKT ke atas sabitan ditolak.

HUKUMAN

[18] Setelah menimbang rayuan meringankan hukuman oleh peguambela yang terpelajar dan hujahan memberatkan hukuman oleh timbalan pendakwa raya terpelajar, Tuan HMS telah menjatuhkan hukuman penjara tujuh tahun dari tarikh hukuman.

[19] Merujuk rayuan peringanan hukuman di ms 83 Rekod Rayuan, peguambela terpelajar menyatakan seperti berikut:

(a) OKT tidak bekerja;

(b) kesalahan pertama;

(c) OKT tidak terlibat dengan apa carapun atas serangan terhadap mangsa dan tidak ada kawalan atas orang-orang yang menyerang mangsa; dan

(d) sekiranya hukuman penjara hendak dikenakan pohon hukuman yang paling minima.

[20] Timbalan pendakwa raya terpelajar pula meminta dijatuhkan hukuman setimpal dan OKT tiada rekod kesalahan lampau.

[21] Mangsa telah memberi keterangan impak statement dengan menyatakan seperti berikut:

(a) saya rasa takut dan risau;

(b) akibat kecederaan yang dialami, saya menjadi kurang upaya pada tangan kiri, dan kaki. Terpaksa membuat tatu untuk tutup kesan tetakan. Berasa malu atas kecacatan tersebut. Kecederaan tersebut menyebabkan saya tidak dapat bekerja lebih kurang enam bulan. Manakala kerja-kerja harian perlu dibantu oleh isteri; dan

(c) saya telah belanjakan RM20,000 untuk rawatan hospital Columbia.

[22] Mahkamah telah meneliti laporan perubatan SP2 di ms 105 rekod rayuan yang menyatakan seperti berikut:

(a) SP2 telah menerima rawatan '*Wound Exploration Haemostasis and*

Primary Suture of Multiple Deep laceration Wounds over the extremities, under General Anaesthesia'.

Memandangkan kecederaan beliau agak serius, beliau terpaksa menerima rawatan penjagaan luka dan antibiotic sehingga luka pembedahan sembuh sepenuhnya setelah tiga minggu. Konsultasi pada rawatan susulan terakhir beliau telah menunjukkan komplikasi kurang deria pada anggota sendi siku kiri beliau kerana urat saraf deria terlibat sewaktu kemalangan.

[23] Pada pendapat mahkamah, berdasarkan mitigasi OKT, OKT langsung tidak menunjukkan sebarang kekesalan dan insaf di atas kejadian ini, malah terus mempertikaikan keputusan Tuan HMS yang mendapatinya bersalah dan disabitkan.

[24] Seksyen 326 Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman penjara boleh sampai dua puluh tahun dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat.

[25] Mahkamah berpendapat bahawa hukuman penjara tujuh tahun dari tarikh hukuman dijatuhkan oleh Tuan HMS adalah setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan oleh OKT. Tuan HMS telah mengambil kira kepentingan awam harus diberi keutamaan berbanding kepentingan OKT sendiri (rujuk kes *R v Ball* 35 Cr App R 164, *New Tuck Shen v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 27).

[26] Keterangan impak oleh mangsa (SP2) dengan sendirinya memberi gambaran betapa seriusnya kecederaan yang dialaminya dan akibat kecederaan tersebut OKT mengalami trauma sepanjang hayatnya. Justeru mahkamah memutuskan untuk mengekalkan hukuman tujuh tahun penjara tersebut.

KESIMPULAN

[27] Berdasarkan alasan-alasan di atas adalah diputuskan bahawa rayuan OKT ke atas sabitan dan hukuman ditolak.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor